

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.02/10.12/2 (92)

6 September 2022
Safar 1444H

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 32/2022

PELAKSANAAN PENSTRUKTURAN SEMULA FAKULTI KEJURUTERAAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Sukacita dimaklumkan bahawa Senat Universiti Bilangan 9/2021/2022 pada 30 Jun 2022 telah meluluskan dan Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bilangan 120 pada 17 Julai 2022 telah bersetuju pelaksanaan Penstrukturan Semula Fakulti Kejuruteraan UTM. Penstrukturan semula ini melibatkan Sekolah Kejuruteraan Awam (SKA), Sekolah Kejuruteraan Bioperubatan dan Sains Kesihatan (SKBSK), Sekolah Kejuruteraan Elektrik (SKE), Sekolah Kejuruteraan Mekanikal (SKM), Sekolah Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Tenaga (SKT) dan Sekolah Komputeran (SC)

2. Semua sekolah di atas akan menjadi sebuah fakulti seperti di bawah :
 - 2.1 Fakulti Kejuruteraan Awam (FKA),
 - 2.2 Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE),
 - 2.3 Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM),
 - 2.4 Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Tenaga (FKT),
 - 2.5 Fakulti Komputeran (FC)

KECUALI Sekolah Kejuruteraan Bioperubatan dan Sains Kesihatan (SKBSK) yang akan menjadi sebuah JABATAN di bawah Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE).

3. Penstrukturan semula entiti akademik baharu ini berkuat kuasa bermula **1 Oktober 2022**. Sehubungan dengan itu, seluruh warga Universiti adalah diminta untuk mengambil maklum mengenai pelaksanaan ini.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Saya yang menjalankan amanah,



(NOR AZIZAH BINTI ISMAIL)

Pendaftar

- s.k. - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
 - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
 - Pengarah Kampus Pagoh
 - Pegawai-pegawai Kanan/Dekan/Pengarah